

**Calon BN Kelantan Berpotensi Untuk Menang
Bernama
17 April , 2012**

TUMPAT, 17 April (Bernama) -- Umno Kelantan yakin senarai calon di negeri ini yang diserahkan kepada pucuk pimpinan parti itu baru-baru ini adalah calon yang berpotensi untuk menang pada pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Noor Zahidi Omar berkata, bagaimanapun keputusan muktamad dalam menentukan calon di setiap kawasan terletak pada Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak.

Noor Zahidi berkata, pihaknya telah menghantar tiga nama calon bagi setiap kawasan yang dilihat berpotensi untuk merampas kerusi daripada PAS.

"Senarai calon yang diangkat ke Umno Pusat itu memang calon yang diyakini boleh membawa kemenangan kepada parti dalam pilihan raya umum nanti, namun ia mungkin akan melalui tapisan lagi sebelum dimuktamadkan Presiden parti," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis penyampaian elaun sara hidup nelayan di sini.

Anggota Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kubor itu berkata sasaran Barisan Nasional (BN) untuk menguasai 23 daripada 45 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan adalah tidak mustahil untuk dicapai.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659756>